

✓  

---

  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**SBU343 - Pengurusan Sistem Kesihatan**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja.

1. a) Kadar kematian daripada penyakit TB telah jatuh 85% antara tahun 1835 sehingga 1945 di United Kingdom dan Wales. Kejatuhan ini berlaku sebelum antibiotik (streptomycin) dan vaksin BCG diperkenalkan oleh ahli-ahli sains perubatan. Bincangkan faktor-faktor yang menyumbang kepada kejatuhan tersebut.  
(50 markah)
  - b) Mengikut teori evolusi, gen-gen penyakit akan ditapis daripada populasi manusia melalui proses pemilihan semulajadi (*natural selection*). Apakah faktor-faktor yang mungkin mengekalkan gen penyakit di kalangan manusia?  
(50 markah)
2. Huraikan bagaimana kesihatan boleh memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi.  
(100 markah)
3. Bincangkan faktor-faktor yang menyumbang kepada kemunculan penyakit berjangkit seperti wabak *Nipah* dan wabak *SARS*. Apakah impak ekonomi dan sosial akibat daripada wabak-wabak tersebut, dan tindak balas kerajaan dan orang ramai dalam menanganinya?  
(100 markah)
4. Tulis nota-nota ringkas mengenai:
- i) GATS  
(20 markah)
  - ii) TRIPS  
(20 markah)
  - iii) ubat paten  
(20 markah)
  - iv) ubat generik  
(20 markah)
  - v) penyakit terabai (*neglected diseases*)  
(20 markah)
5. Huraikan perkara-perkara berikut dengan tumpuan kepada kebaikan dan kelemahannya:
- i) akaun simpanan perubatan (*medical savings account*)  
(30 markah)
  - ii) insuran berasaskan risiko (*risk-rated insurance*)  
(40 markah)
  - iii) insuran sosial (*social insurance*)  
(30 markah)